

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]
TARIKH : 19 OKTOBER 2015
SOALAN :

YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan nisbah doktor pakar dengan jumlah penduduk di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak dan apakah perancangan untuk mengimbangi jurang tersebut untuk menyediakan kemudahan kesihatan terbaik kepada semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman sehingga 31 Ogos 2015, terdapat sebanyak 237 jawatan Pegawai Perubatan Pakar di fasiliti-fasiliti Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri Sabah dengan pengisian seramai 256 orang atau 108 peratus. Manakala bagi negeri Sarawak pula, terdapat sebanyak 234 jawatan Pakar Perubatan dengan pengisian seramai 258 orang atau 110.3 peratus.

Selain itu terdapat seramai 29 Pegawai Perubatan Pakar lantikan kontrak yang sedang berkhidmat di fasiliti-fasiliti KKM di negeri Sabah. Manakala bagi negeri Sarawak, terdapat seramai 27 Pegawai Perubatan Pakar lantikan kontrak yang sedang berkhidmat.

Berdasarkan *Health Facts* 2014, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di negeri Sabah adalah satu (1) Pegawai Perubatan untuk 1,234 penduduk (1:1,234). Manakala bagi negeri Sarawak pula, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk ialah (1) Pegawai Perubatan untuk 967 penduduk (1:967). Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, di Negeri Sabah, nisbah satu (1) doktor pakar KKM ialah kepada 9,681 penduduk, manakala di Negeri Sarawak pula, nisbah 1 doktor pakar KKM ialah kepada 6,875 penduduk.

Pelbagai rancangan telah dilaksanakan oleh KKM bagi mengimbangi jurang nisbah pakar dengan jumlah penduduk di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

- i. Menambahkan slot tajaan bagi program sarjana kepakaran perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 slot mulai sesi 2010/2011, 800 slot mulai sesi 2011/2012, dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1,000 bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat ditempatkan di Sabah dan Sarawak demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara;
- ii. Peningkatan peluang mengikuti latihan kepakaran, dengan melalui program paralel, iaitu *Membership Programme* yang merupakan program latihan kepakaran luar negara tetapi latihan dan peperiksaan boleh diikuti sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya dalam negara;
- iii. Bagi menggalakkan lebih ramai pakar berkhidmat di pedalaman, Kabinet dalam mesyuarat 14 September 2011 telah memutuskan penempatan di negeri Sabah dan Sarawak dibuat secara giliran dalam tempoh minima selama enam (6) bulan;
- iv. Pelbagai insentif juga turut disediakan untuk membantu menggalakkan lagi pakar perubatan bertugas di negeri Sabah dan Sarawak, misalnya:
 - a. Memberikan elaun-elaun tambahan contohnya elaun perumahan dan elaun wilayah; dan

- b. Memberikan merit yang lebih kepada calon dari negeri Sabah dan Sarawak yang ingin meneruskan pelajaran dalam bidang sub kepakaran.

- v. Seterusnya, kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk mengekalkan bilangan pakar agar dapat ditempatkan ke Negeri Sabah dan Sarawak seperti berikut:
 - a. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak;
 - b. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
 - c. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional; dan
 - d. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air